

SISWA PILIHAN



Bakat kreativiti bantu Hazirah

Serdang: Kreativiti Hazirah Hamer bukan sahaja membantu melancarkan pengajiannya dalam bidang seni bina, malah dimanfaat untuk membantu ibunya mengusahakan perniagaan kedai bunga.

Pendedahan diterima menerusi perniagaan keluarga memberi peluang kepada gadis kacukan Belanda-Arab itu membuat persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan apabila tamat pengajian.

Beliau yang juga Timbalan Naib Yang Dipertua Media & Perhubungan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) turut aktif dalam pengajuran pelbagai program pembangunan pelajar bagi mengasah kemahiran komunikasi serta berbakti kepada warga kampus.

PROFIL

Hazirah Hamer
Umur: 21 tahun
Asal: Melaka
Hobi: Mengembara
Pengajian:
Bachelor Seni Bina
Landscape UPM

